

Amalkan 'budaya kerja tak malu belajar' – PM

U.M. 30 JUN 1989

KEMAMAN 29 Jun — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menekankan pentingnya rakyat Malaysia mengamalkan "budaya kerja tidak malu belajar" dan mengambil contoh kejayaan Perwaja untuk membuktikan bahawa negara ini tidak kurang dari bangsa lain di dunia.

Perdana Menteri berkata "kita tidak perlu melaung - laungkan supaya dunia tidak kata kita pemalas tetapi kita mesti tunjuk dengan bahasa yang mereka faham."

Beliau bangga sejak Perwaja disulung semula prestasi kerja dan pengeluarannya telah meningkat lebih dua kali ganda.

Bulan ini sahaja, jelasnya pres-

tasinya telah melebihi kemampuan kilang Perwaja dan ini bukan sahaja membanggakan pengurusan dan eksekutifnya tetapi juga seluruh tenaga kerjanya.

Berucap merasmikan Wisma Waja di Perwaja di sini, Perdana Menteri berkata, Malaysia boleh bersaing dengan Hong Kong, Taiwan dan Jepun asalkan rakyat sanggup bekerja keras.

Katanya, kejayaan Perwaja amat dibanggakan dan pencapaian tersebut telah sampai ke tahap di mana pengurusan dan pekerja tidak akan malu tunjukkan kepada semua pihak.

Perlu disebut prestasi pengeluaran Perwaja sejak pengurusannya disusun semula telah mencapai ta-

hap yang membanggakan.

Setakat ini pengeluaran besi billet telah meningkat dari 50 peratus kepada 100 peratus kapasiti pengeluaran kilang dalam masa dua belas bulan.

Pengeluaran besi keluli meningkat dari 190,000 metrik tan tahun 1987 - 1988 kepada 350,000 metrik tan, tahun 1988/1989.

Jumlah jualan meningkat daripada 224,000 metrik tan kepada 310,000 metrik tan.

Perdana Menteri berkata, Perwaja kini diletakkan di bawah pengawasannya dan dari laporan yang diterima setiap bulan menunjukkan Perwaja sedang menuju ke tahap yang membanggakan.

Kalau kilang ini berjaya, beliau

yakin ia akan menarik kilang besi yang lain bagi menambah peluang pekerjaan kepada penduduk setempat.

Sebelum itu Perdana Menteri menyangkal dakwaan dan tohmah yang menyatakan dasar industri berat tidak sesuai dengan negara ini.

Beliau bertanya apa yang tidak sesuai sama ada dasar atau pelaksanaannya.

"Saya fikir dasar industri berat sesuai tetapi mesti tahu cara pelaksanaan yang berkesan."

"Dulu kilang ini tidak bermaya dan tak untung tetapi sekarang sudah maju kerana adanya pengurusan yang baru dan tak segan belajar."